

28 JUL 2001

MAHATHIR-STANDARD

PEKILANG DIGESA SENTIASA TEPATI STANDARD PENGELUARAN

SHAH ALAM, 28 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menasihatkan pekilang-pekilang tempatan supaya mengamalkan budaya baru mengeluarkan barangan dengan mengikut standard tertentu sepanjang masa.

"Kita perlu mengamalkan budaya baru yang mahu mengeluarkan segalanya mengikut standard tertentu (dan) berkualiti terbaik, setiap masa," katanya dalam ucaptamanya semasa lawatan rasmi ke SIRIM Bhd di sini.

Dr Mahathir berkata dengan berbuat demikian, pekilang-pekilang akan dapat mengekalkan pelanggan, yang akan menganggap mereka sebagai pembekal yang boleh dipercayai.

"Jika harganya lebih tinggi sedikit sekalipun, pelanggan-pelanggan anda akan tetap kembali kepada anda. Bagi mereka, ini adalah nilai bagi wang mereka," tambah beliau.

Perdana Menteri juga menggesa SIRIM supaya merekacipta jentera-jentera baru yang dapat meningkatkan pengeluaran industri kraftangan tempatan.

"Sila kaji bagaimana kita boleh mengautomasikan. Sila kaji mengenainya agar dapat kita penuhi permintaan," katanya sambil merujuk kepada anyaman tikar sebagai satu aktiviti yang memerlukan mekanisasi.

Setakat ini, SIRIM telah memajukan mesin tenun automatik dan lukisan batik berkomputer.

Projek mesin tenun automatik adalah usahasama dengan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang sementara projek lukisan batik berkomputer bersepadu dijalankan bersama-sama dengan Perbadanan Pembangunan Kraftangan Malaysia.

Sementara itu, ketika persidangan media kemudiannya, Perdana Menteri berkata beliau masih belum berpuas hati dengan tahap teknologi dalam industri perkilangan di negara ini.

Bagaimanapun, beliau memuji SIRIM kerana telah mencapai kemajuan besar dalam banyak bidang setakat ini.

Katanya, SIRIM telah mencapai hasil yang boleh dibanggakan dalam penyelidikan secara kontrak dan produk-produk agensi ini telah mula diterima di kalangan industri.

Sementara itu, Pengerusi SIRIM Datuk Ir. Dr Ahmad Zaidee Laidin berkata setakat ini, agensi tersebut telah mewujudkan 2,902 standard.

Katanya, dengan pelantikan 12 buah pertubuhan kemajuan standard, Malaysia lebih bersedia untuk menghadapi cabaran-cabaran dalam usaha bagi mencapai wawasannya untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

-- BERNAMA

ER MFJ KY JR